

SJKC Eco Grandeur bukti komitmen KPM terjemah reformasi sekolah

- Keperluan setiap sekolah perlu dinilai berdasarkan jumlah murid, keadaan setempat, akses dan pertumbuhan penduduk, bukannya melalui persaingan antara aliran

- Kerjasama KPM dengan EcoWorld dalam pembinaan SKJC Eco Grandeur membuktikan potensi kerjasama awam-swasta dalam mempercepat penyediaan prasarana pendidikan



Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Pendidikan (SoE), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Dr Alkhawaldah Atef A E
bhrencana@bh.com.my

Agenda reformasi sekolah tidak terbatas kepada pengenalan kepada kurikulum persekolahan baharu, kaedah pentaksiran relevan atau peningkatan profesionalisme guru semata-mata.

Reformasi berkesan turut memerlukan prasarana mencukupi, bilik darjah tidak terlalu padat, persekitaran pembelajaran selamat serta sistem sokongan mampu memenuhi perubahan demografi dan pertumbuhan murid.

Dalam konteks ini, komitmen Kementerian Pendidikan (KPM) untuk mempergiat pembinaan sekolah baharu antara langkah penting bagi memastikan reformasi pendidikan dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

Keperluan ini semakin mendesak, khususnya di kawasan pembangunan pesat mencatat pertumbuhan penduduk dan pertumbuhan keluarga muda ketara, termasuk di Puncak Alam, Selangor.

Pendidikan Malaysia 2026-2035. Menurut Fadhlina, reformasi berkenaan bertujuan mengangkat martabat sekolah melalui pengukuhan keupayaan, pentadbiran dan sistem sokongan.

KPM juga mengambil pendekatan semua sekolah perlu diangkat tanpa mengira aliran atau jenis. Sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, sekolah agama, sekolah pendidikan khas dan institusi pendidikan lain ialah sebahagian sistem pendidikan negara.

Keperluan setiap sekolah perlu dinilai berdasarkan jumlah murid, keadaan setempat, akses dan pertumbuhan penduduk, bukannya melalui persaingan antara aliran.

Peningkatan jumlah sekolah

Komitmen memperluas prasarana pendidikan sebenarnya digerakkan sejak awal tahun. Pada 12 Januari lalu, Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr Mohd Azam Ahmad, memaklumkan KPM merancang membuka 17 sekolah baharu sepanjang 2026 secara berperingkat.

Antaranya termasuk Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Presint 15 Putrajaya, beberapa sekolah

menampung kira-kira 5.1 juta murid. Bagi sesi akademik 2026 sahaja, sekitar 442,000 murid Tahun Satu dan 423,000 murid Tingkatan Satu memulakan persekolahan.

Jumlah sebesar itu memerlukan perancangan prasarana, guru, peralatan dan kemudahan sokongan yang sistematik, bukannya tindakan sementara selepas sekolah mengalami kesesakan.

Keperluan kapasiti tambahan akan menjadi semakin penting dengan persediaan pelaksanaan kurikulum baharu bagi murid Tahun Satu dan Tingkatan Satu serta Dasar Pendidikan Wajib Sekolah Menengah. Dasar berkenaan bertujuan memastikan murid meneruskan pendidikan sehingga peringkat menengah dan tidak tercicir daripada sistem.

Kerjasama KPM dengan EcoWorld dalam pembinaan SKJC Eco Grandeur membuktikan potensi kerjasama awam-swasta dalam mempercepat penyediaan prasarana pendidikan. Pendekatan ini berasaskan keperluan masyarakat, piawaian keselamatan, mutu pembinaan, ketelusan dan kepentingan pendidikan jangka panjang.

Keadaan ini jauh berbeza dengan negara asal saya, Jordan. Kemasukan lebih 1.3 juta pelarian

Perkembangan ini meningkatkan permintaan terhadap akses kepada pendidikan berkualiti, sekaligus memerlukan penyediaan sekolah, bilik darjah, kemudahan pembelajaran dan tenaga pengajar mencukupi agar setiap murid dapat mengikuti proses pembelajaran dalam persekitaran kondusif dan selamat.

Majlis Pecah Tanah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SKJC) Eco Grandeur disempurnakan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, bersama-sama Pengerusi EcoWorld Foundation, Tan Sri Lee Lam Thye kelmarin, memperlihatkan bagaimana komitmen berkenaan diterjemahkan kepada tindakan.

SKJC Eco Grandeur akan menyediakan 24 bilik darjah sekolah rendah dan dua bilik prasekolah dengan kapasiti sehingga 960 murid. Sekolah dibangunkan menerusi kerjasama awam dan swasta bernilai RM18 juta itu dijangka siap pada penghujung 2027 sebelum menerima kumpulan pertama murid bagi sesi persekolahan 2028.

Dibina di atas tapak seluas 6.69 ekar atau kira-kira 2.71 hektar, sekolah ini bukan sekadar menyediakan ruang pembelajaran asas. Kemudahan dirancang termasuk dewan serba guna dengan gelanggang badminton tertutup, gelanggang bola keranjang berbumbung, padang, kantin, laluan berbumbung dan sistem aliran trafik khusus bagi meningkatkan keselamatan murid serta ibu bapa.

Reka bentuknya turut menampilkan tanjakan berterusan menyediakan akses tanpa halangan dari aras bawah hingga tingkat empat. Ciri ini penting kerana sekolah masa hadapan perlu bersifat inklusif dan boleh digunakan oleh semua warga sekolah, termasuk murid serta pengunjung yang mempunyai keperluan mobiliti.

SKJC Eco Grandeur juga dilengkapi ciri kelestarian seperti panel solar, sistem penuaian air hujan, pengudaraan semula jadi dan konsep Library in the Park. Perpustakaan dalam persekitaran hijau bukan sekadar elemen reka bentuk, tetapi boleh membantu membudayakan pembacaan serta menjadikan sekolah ruang pembelajaran yang lebih mesra murid.

Pembinaan sekolah ini selaras dengan matlamat program reformasi sekolah di bawah Rancangan

menengah di kawasan berkepadatan tinggi serta sebuah sekolah berasrama penuh (SBP) di Tanah Merah.

Angka berkenaan merujuk kepada sekolah dijadualkan mula dibuka atau beroperasi pada 2026. Sementara itu, sebanyak 38 sekolah baharu diluluskan menerusi Belanjawan 2026 untuk dibangunkan mengikut proses dan jadual pelaksanaan masing-masing.

Jumlah 38 sekolah itu menunjukkan peningkatan ketara berbanding kadar sebelum 2022 apabila hanya sekitar sembilan hingga 12 sekolah baharu diluluskan setiap tahun. Tumpuan diberikan kepada kawasan berkepadatan tinggi bagi mengurangkan kesesakan, menambah kapasiti bilik darjah dan memastikan murid tidak perlu menempuh perjalanan terlalu jauh untuk bersekolah.

Perancangan ini perlu dilihat berdasarkan skala sistem pendidikan negara yang

Syria menyebabkan ratusan sekolah terpaksa melaksanakan sistem dua syif bagi menampung murid Jordan dan pelarian.

Kesannya, bilik darjah menjadi sesak, guru berdepan keletihan akibat syif berturutan, manakala peruntukan reformasi jangka panjang terpaksa dialihkan bagi menampung keperluan operasi segera.

Malaysia beruntung mempunyai Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang memberikan perhatian besar terhadap pengukuhan sistem pendidikan, termasuk menyeru sektor korporat memainkan peranan lebih aktif dalam merapatkan jurang kemudahan antara sekolah.

Pembukaan 17 sekolah baharu pada 2026 serta kelulusan 38 projek sekolah baharu, termasuk SKJC Eco Grandeur, menunjukkan kesungguhan KPM menyepadukan pembangunan prasarana dengan reformasi sistem. Usaha ini perlu diteruskan secara konsisten agar setiap anak mendapat akses kepada pendidikan yang selamat, kondusif dan berkualiti tanpa mengira lokasi atau jenis sekolah.

